



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT EJEN PEMILIKAN SEMULA**

**DI BAWAH  
AKTA SEWA BELI 1967**

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT EJEN PEMILIKAN SEMULA (EPS) AKTA SEWA BELI 1967**

## **1. PENDAHULUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk membantu individu yang berminat untuk memohon Permit Ejen Pemilikan Semula mengikut Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) (Pindaan)2011.

## **2. SYARAT KELAYAKAN**

Mana-mana orang yang ingin memohon permit untuk menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli hendaklah memenuhi keperluan yang berikut:

- (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun mengikut bulan kelahiran
- (b) seorang warganegara Malaysia:dan
- (c) apa-apa keperluan lain yang boleh ditentukan oleh Pengawal

( seperti di dalam Peraturan 4.(1))

## **3. KAEDAH PERMOHONAN**

### **➤ PERMOHONAN BARU**

- (i) Pemohon hendaklah mengisi borang ASB 1 yang boleh didapati di kaunter Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berhampiran atau muat turun di laman sesawang KPDNHEP di alamat [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)
- (ii) Pemohon hendaklah **mengepos atau menghantar sendiri** borang yang sudah lengkap diisi ke :

**Kaunter Khidmat Pelanggan  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna  
Sekretariat Perdagangan Penedaran & Industri Perkhidmata, Aras 4  
(Podium 1), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya  
ATAU**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di  
setiap Negeri (alamat lengkap boleh didapati di [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my))**

### **\*nota:**

*Pemohon digalakkan menghantar permohonan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna (negeri) yang berhampiran dengan tempat tinggal bagi memudahkan urusan serahan kad permit EPS apabila telah siap dan urusan pembaharuan kelak.*

(iii) Dokumen-dokumen sokongan yang **wajib** disertakan bersama borang ASB-1 adalah seperti berikut :

- (a) Borang ASB 1
- (b) Satu(1) salinan kad pengenalan pemohon
- (c) Dua (2) keping gambar berukuran passport
- (d) Surat Kebenaran Ketua Jabatan bagi menjalankan pekerjaan luar (pemohon yang terdiri dari Penjawat sahaja)

➤ **PERMOHONAN PEMBAHARUAN**

- (i) Permohonan bagi pembaharuan Permit EPS hendaklah dikemukakan **enam (6) bulan sebelum** tarikh tamat sah laku permit.
- (ii) Permohonan ini hendaklah dikemukakan ke tempat asal di mana permohonan baru dikemukakan. Tempat asal permohonan baru dibuat boleh dikenalpasti melalui nombor permit yang tertera di kad permit EPS pemohon.
- (iii) Pemohonan dikehendaki melengkapkan borang ASB 1 dan dokumen-dokumen sokongan seperti di para 3(iii) dan maklumat tambahan iaitu surat sokongan dari institusi kewangan/syarikat di mana ejen bekerja.

➤ **PERMOHONAN SALINAN**

- (i) Permohonan permit pengganti hendaklah disertakan bersama laporan polis yang menyatakan permit EPS telah hilang
- (ii) Pemohonan dikehendaki melengkapkan borang ASB 1 dan dokumen-dokumen sokongan seperti di para 3(iii)

#### 4. **FI PERMIT**

<b>BIL</b>	<b>JENIS PERMOHONAN</b>	<b>FI SETAHUN</b>
1.	Permohonan Permit Baru	RM 10.00
2.	Permohonan Permit Pembaharuan	
3.	Permohonan Salinan Permit	RM 20.00

***Nota : Kadar fi permit adalah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Sewa-Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) 2011 Bahagian IV Jadual Fi (Peraturan 9).***

#### 5. **BAYARAN PERMIT**

Pembayaran fi permit boleh dibuat dengan menggunakan wang pos, kiriman wang atau bank draf atas nama "**Pengawal Sewa Beli**". Bayaran melalui **cek/ tunai tidak diterima.**

#### 6. **PENGELUARAN PERMIT**

Permit akan **dicetak / dikeluarkan setelah menerima bayaran** daripada pemohon.

#### 7. **PERTANYAAN**

Pertanyaan lanjut berkaitan dengan permohonan permit Ejen Pemilikan Semula hendaklah dikemukakan kepada :

**Unit Ejen Pemilikan Semula,  
Sekretariat Perdagangan Pengedaran & Industri Perkhidmatan , Aras 4  
(Podium1), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya, Malaysia**

No. Telefon : 03-8882 6364/6858/5938/5705